

>ISU

'Fahami ajaran Islam elak perpecahan'

Bangi: Perpecahan dalam masyarakat boleh dielak jika ajaran agama difahami dan diamalkan dalam erti kata sebenar, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, dalam masyarakat Islam sendiri, perkara yang dilarang agama itu masih terjadi disebabkan Islam digunakan atas kepentingan politik dan peribadi.

"Ini antara sebab berlakunya perpecahan masyarakat dalam negara, sedangkan jika mengikut dan mengamalkan Islam yang diajar Imam As-Shafie, perkara ini tentunya tidak terjadi.

"Namun, hari ini, dalam kita bercakap mengenai Islam kita masih melakukan perkara salah dari sisi masyarakat dan agama," katanya ketika berucap pada majlis iftar Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bersama Perdana Menteri di sini, semalam.

Yang turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dan Setiausaha Agung Kehormat PER-

KIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Dr Mahathir berkata, memahami larangan diajar Islam dan mengamalkan apa yang diajar penting bagi memastikan orang Islam dipandang tinggi dan mulia oleh masyarakat, khususnya yang bukan Islam.

Sifat sebenar orang Islam

Beliau berkata, antara sifat sebenar orang Islam ialah adil, bertanggungjawab dan boleh dipercayai yang apabila sifat itu diterjemahkan dalam kehidupan seharian akan mengundang keyakinan untuk bekerjasama dengan orang Islam.

Perdana Menteri turut menarik perhatian bahawa masyarakat di negara ini perlu bersyukur dengan nikmat keamanan dikecapi, sekaligus membolehkan mereka mengamalkan ajaran agama tanpa kebimbangan.

"Berbanding negara Islam lain, kita di sini diberikan keamanan dan boleh melakukan ibadah, ak-



Dr Mahathir menyampaikan Anugerah Kepemimpinan Cemerlang Kelab PERKIM Universiti kepada Muhammad Sabhan Iman Ismail dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Bangi, semalam.

tiviti beragama seperti berpuasa dan mengadakan majlis berbuka puasa tanpa bimbang diserang mana-mana pihak," katanya.

Mengenai PERKIM, Dr Mahathir yang juga Yang Dipertua pertubuhan itu, mengingatkan anggotanya agar melakukan kerja dakwah berpandukan ajaran Is-

lam sebenar.

Perlakuan baik paksi tarik golongan sasaran

Beliau berkata, setiap ayat al-Quran digunakan ketika berdakwah perlu disertai perlakuan yang menggambarkan ketinggian dan kebaikan Islam yang boleh men-

jadi paksi menarik golongan sasaran menerima agama suci itu.

"Sebab itu, perlu faham ajaran dan larangan yang diajar Islam dan jika perlakuan kita sama seperti diajar agama Islam, saya yakin tanpa penjelasan yang mendalam pun, orang lain akan menerima Islam," katanya.

BERNAMA